

B B031 DEB

MAHATHIR - AGAMA

BUTTERWORTH, 3 OGOS (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MEMBIDAS GOLONGAN RAKYAT YANG MENGKHIANATI USAHA-USAHA KERAJAAN UNTUK MEMAJUKAN PELAJARAN YANG SELARAS DENGAN PEMBANGUNAN DAN KEMAJUAN SEKARANG.

PERDANA MENTERI BERKATA, GOLONGAN ITU MEMANG SENGAJA MENGGAGALKAN USAHA-USAHA KERAJAAN SUPAYA ORANG ISLAM TERUS HIDUP MUNDUR DAN DENGAN ITU MUDAHLAH GOLONGAN ITU MEMPERALATKAN MEREKA UNTUK KEPENTINGAN TERTENTU GOLONGAN TERSEBUT.

BERUCAP MERASMIKAN SEKOLAH MENENGAH AGAMA AL-IRSYAD DI POKOK SENGA DEKAT SINI, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA, SISTEM PELAJARAN DI NEGARA INI BERLANDASKAN KEPADA AJARAN AGAMA YANG MEMBERI TEMPAT KEPADA KEMAJUAN DAN PEMBANGUNAN.

BELIAU MENAMBAH, GOLONGAN TERTENTU ITU SENTIASA MENDAKWA KONONNYA KERAJAAN HANYA MELAKSANAKAN SISTEM PELAJARAN YANG BERTENTANGAN DENGAN AJARAN ISLAM.

BAGAIMANAPUN, BELIAU BERKATA HUKUM ISLAM YANG SEBENARNYA MERANGKUPI SEMUA ILMU YANG BOLEH DIPRAKTIKKAN DAN DIGUNAKAN SEBAGAI ALAT PERTAHANAN BUKAN SAJA DI DUNIA BAHKAN JUGA DI AKHIRAT. -- LAGI 1705MST 03 08 85

MAHATHIR - AGAMA 2 BUTTERWORTH

FAHAMAN YANG MENGATAKAN SISTEM PELAJARAN YANG DIAMALKAN OLEH KERAJAAN SEKARANG ADALAH SISTEM KAFIR MESTILAH DIHAPUSKAN KERANA DAKWAAN SEPERTI ITU HANYA MEMPUNYAI MOTIF YANG NEGATIF BAGI MENGGAGALKAN USAHA KERAJAAN MENERAPKAN NILAI-NILAI ISLAM YANG SEBENAR.

BELIAU BERKATA, MEREKA SANGGUP MEWUJUDKAN FAHAMAN DAN KEPERCAYAAN AGAMA UNTUK DISEBARKAN SEHINGGA BOLEH MENIMBULKAN PERPECAHAN DI KALANGAN UMAT ISLAM.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENGINGATKAN RAKYAT SUPAYA MENGHAPUSKAN KEPERCAYAAN DAN FAHAMAN YANG TIDAK DITERIMA OLEH MASYARAKAT DAN AGAMA ISLAM YANG SEBENAR SUPAYA TIDAK MERESAP KE JIWA PENUNTUT-PENUNTUT SEKOLAH.

MELAKUKAN SESUATU UNTUK KEPENTINGAN DIRI SENDIRI BOLEH MEMBAWA KEHANCURAN SEPERTI YANG BERLAKU DI BEBERAPA BUAH NEGARA DI ASIA BARAT, TAMBAHNYA.

PERDANA MENTERI BERHARAP PARA IBU BAPA DAN GURU SENTIASA MENGGUNAKAN SEKOLAH UNTUK KEBAIKAN BANGSA DAN AGAMA DAN MENGHAPUSKAN SEBARANG FAHAMAN YANG BOLEH MEMBAWA KEHANCURAN DAN KEMUDARATAN KEPADA RAKYAT DAN NEGARA. -- LAGI

1703MST 03 08 85

MAHATHIR - AGAMA 3 BUTTERWORTH

RAKYAT MESTILAH INGAT BAHWA GOLONGAN YANG BERKEPENTINGAN INI SANGGUP MENYINGKIRKAN UMAT ISLAM DARIPADA AJARAN AGAMA ISLAM YANG SEBENAR DAN MENEGAKKAN YANG TIDAK BENAR, TAMBAHNYA.

GOLONGAN ITU JANGANLAH DIBIARKAN MERESAPKAN FAHAMAN DAN IDEA-IDEANYA DI SEKOLAH KERANA TEMPAT INILAH SEGALA KEBAIKAN DAN PENGETAHUAN DICURAHKAN, KATANYA.

+ TERSALAH MENCURAHKAN ILMU PENGETAHUAN AKAN MEWUJUDKAN PENUNTUT DAN PENTADBIR NEGARA YANG TIDAK DAPAT MEMBERIKAN KEMAJUAN DAN PEMBANGUNAN SELARAS DENGAN PERKEMBANGAN SEMASA, + KATANYA.

PENYEBARAN AGAMA SESAT KEPADA ANAK YANG BELUM MEMAHAMI SEBENARNYA TENTANG AGAMA ISLAM HENDAKLAH DIHAPUS DAN DISINGKIRKAN SAMA SEKALI, TEGAS BELIAU.

KIRA-KIRA 10,000 ORANG HADIR DI UPACARA PERASMIAN ITU. KETIBAAN PERDANA MENTERI DAN ISTERINYA, DATUK SERI DATIN PADUKA DR. SITI HASMAH DISAMBUK DENGAN PERMAIDANI MERAH, KUMPULAN MEMBAWA BUNGA MANGGAR DAN KOMPANG.